PENGAMATAN

(Dari Mendengar kepada Tindakan)

Kembali kepada Kumpulan besar

Setiap kumpulan kecil berkongsi secara ringkas perspektif "Kita", dengan memberi tumpuan kepada bagaimana mereka merasakan Roh Kudus menjemput mereka untuk memberi respons. Bersama-sama sebagai KED, kenal pasti satu "Langkah kepada Tindakan" yang mudah untuk membantu Sabda berakar dalam kehidupan harian. Sebagai contoh:

- Rancang satu aktiviti penjagaan alam sekitar di kawasan kejiranan anda.
- Sebagai KED, bagaimanakah kita boleh bekerjasama dengan PIHD untuk membantu golongan miskin melalui sumber bantuan yang lestari?

DOA UMAT

Fasilitator mengajak semua untuk menyuarakan intensi-intensi ringkas, contohnya:

- Ya Tuhan, ajarlah kami menjadi penjaga ciptaan-Mu yang setia. ***(S)***
- Ya Tuhan, jeritan bumi ialah jeritan orang miskin. Bantulah kami membuka hati kepada mereka yang menderita akibat eksploitasi terhadap Ibu Bumi. ***(S)***

Sahutan: "Tuhan, dengarkanlah doa kami."

Doa Penutup:

Bapa di syurga, Engkau telah mengajar kami cara memelihara rumah kita bersama dan mengambil berat terhadap golongan miskin. Kami bersyukur kepada-Mu atas anugerah ciptaan-Mu. Bimbinglah usaha kami untuk melindungi serta memulihkan keindahan Ibu Bumi. Bantulah kami agar sentiasa menghargai mereka yang telah menjaga tanah ini sebelum kami, dan semoga kami belajar daripada kebijaksanaan mereka sambil bekerjasama membina masa depan yang lestari. Kami memohon semuanya ini melalui Kristus, Tuhan kami. Amin.

Lagu Penutup:

Betapa Tidak Kita Bersyukur

Betapa tidak kita bersyukur
Bertanah air kaya dan subur
Lautnya luas, gunungnya megah
Menghijau padang, bukit dan lembah

Korus:
Itu semua berkat karunia
Allah Yang Agung, Maha Kuasa *(2 X)*

Alangkah indah pagi merekah
Bermandi cah'ya surya nan cerah
Ditingkah kicau burung tak henti
Bunga pun bangkit, harum berseri
(Korus)

Bumi yang hijau langitnya terang
Berpadu dalam warna cemerlang
Indah jelita damai dan teduh
Persada kita jaya dan teguh
(Korus)

https://share.google/nYzfQh9JPisv6N1o

Diterbitkan oleh: Peninsular Malaysia Pastoral Team **Emel:** api@archkl.org **EDARAN DALAMAN SAHAJA**

November 2026

KED Renungan

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari



FOKUS BULANAN DAN RASIONAL:

Ekologi:

Tangisan Bumi Adalah Tangisan Orang Miskin

"Seluruh ciptaan berbicara kepada kita tentang keagungan Penciptanya, asalkan mata dan hati kita sentiasa terbuka terhadap misteri yang begitu agung ini."

Paus Leo XIV

Kerosakan alam sekitar dan ketidakadilan sosial saling berkaitan. Allah mendengar penderitaan bumi dan golongan miskin. Kita perlu berusaha menghapuskan sistem yang tidak adil, gaya hidup yang tamak serta penindasan terhadap golongan miskin dan alam semula jadi. Kita perlu memainkan peranan yang lebih besar untuk melindungi alam sekitar dan membantu komuniti yang paling terjejas akibat pengabaian terhadap alam sekitar.

MENEMUKAN

Lagu Pembukaan

Gita Sang Surya

Tuhanku maha mulia mahakuasa
Lagi penyayang, segala pujian dan syukur hormat kepada-Mu
Segala berkat kepada-Mu saja
Dipuji dan dihormati setiap waktu

Pujian pada-Mu Tuhan karna sang Surya
Saudara termulia bercahaya sinar siangnya
Terpancar amat indah, dipancarkan dari Kau
O Tuhan bahasa dan lambang

Pujian pada-Mu Tuhan karna langit indah
Udara serta segala cuaca, malang mujurnya
Semua makhluk mengadu untungnya
Karna saudara pawana terpujilah Dikau

Pujian pada-Mu Tuhan karna bulan bintang
Yang Kau pasangkan utuh candra indah
Serta kartika menghias cakrawala
Mewartakan kebesaran Allah nan mahakuasa

Pujian pada-Mu Tuhan karna laut limpah
Saudara budiman samudra raya
Beralap santun di ombak ria melambungkan lagu kepada Tuhan terpuji yang Mahakuasa

Pujian pada-Mu O Tuhan pengasih
Syukur padamu ya Allah, Amin

https://youtu.be/6liViZjPn9k?si=jGZR76sGsWD2KTte

Doa Pembukaan

Bapa di syurga, ajarlah kami untuk terus memelihara ciptaan-Mu sebagaimana Engkau telah mempercayakannya kepada umat manusia sejak awal lagi. Ingatkanlah kami, ya Bapa, supaya menyedari tanggungjawab suci kami serta akibat daripada kecuaian kami yang kini ditanggung oleh bumi. Ketika kami berhimpun pada hari ini, bukalah hati kami dan ingatkanlah kami akan tanggungjawab untuk mendengarkan jeritan bumi yang turut menjadi jeritan orang miskin. Kami memohon semuanya ini demi Kristus, Tuhan kami. Amin.

Laluan Pastoral

Dalam ensiklik *Laudato Si'* yang diterbitkan pada tahun 2015, Paus Fransiskus menekankan hubungan antara alam sekitar dengan golongan miskin dengan menyatakan bahawa penderitaan bumi juga merupakan penderitaan golongan miskin. Walaupun krisis alam sekitar menjejaskan pelbagai aspek kehidupan manusia, golongan miskin paling terdedah kepada kesannya. Mereka terpaksa menanggung kesan buruk perubahan iklim atau kemerosotan alam sekitar yang berpanjangan, sedangkan sumbangan mereka terhadap kemusnahan bumi adalah paling kecil.

Anggota Gereja di pelbagai peringkat, termasuk Paus, para uskup, sekolah Katolik dan umat secara individu, berusaha memupuk sikap prihatin terhadap golongan miskin serta tanggungjawab sebagai penjaga alam sekitar. Gereja juga bekerjasama dengan wakil kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan penganut agama lain untuk menyampaikan suara golongan miskin dan mereka yang paling terdedah kepada pihak yang membuat keputusan tentang dasar alam sekitar.

Mereka yang hidup dalam kemiskinan menghadapi dua masalah serius yang menjejaskan kesihatan dan kualiti hidup, iaitu kekurangan makanan dan air yang selamat digunakan. Antara punca utama masalah ini ialah penggunaan dan pengurusan sumber alam yang tidak lestari, khususnya dalam sektor pertanian dan perindustrian. Sebagai tindak balas terhadap krisis ekologi, Gereja Katolik mengintegrasikan pemeliharaan alam sekitar dalam ajaran sosialnya dan mengiktiraf alam sekitar sebagai unsur penting bagi kesejahteraan bersama seluruh umat manusia.

Sepanjang sedekad yang lalu, Gereja semakin aktif menangani kemerosotan alam sekitar dan menggalakkan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang menjadi seruan sejagat untuk bertindak.

Sumber: Prosiding Persidangan Kebangsaan tentang Katekesis dan Pendidikan Agama, Filipina

KITAB SUCI

Tobit 4:7

Janganlah kamu memalingkan wajahmu dari orang miskin, dan wajah Allah tidak akan memalingkan darimu.



BERDIALOG

(Perbualan dalam Roh)

Bentuk kumpulan kecil seramai 4 hingga 6 orang. Luangkan satu minit keheningan antara setiap pusingan perkongsian.

Pusingan 1 – Perspektif "Saya"

Semua dijemput untuk berkongsi sekali sahaja, selama kurang daripada dua minit.

(Tiada komen terhadap perkongsian orang lain.)

- Apakah sikap dan tindakan saya terhadap jeritan bumi dan jeritan orang miskin?

(Ucapkan terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian. Ambil satu minit keheningan.)

Pusingan – Perpektif "Saya dan Anda"

Para peserta memberi respons kepada sesuatu yang mereka dengar daripada orang lain.

- Apakah perkara utama yang saya pelajari daripada perkongsian orang lain? (Berdiam diri selama satu minit.)

(Ambil satu minit keheningan.)

Pusingan 3 – Perpekstif "Kita"

Fasilitator menjemput kumpulan untuk menimbang rasa bersama.

- Apakah yang ingin disampaikan oleh Roh Kudus kepada Komuniti Eklastias Dasar (KED) kita tentang kerjasama dengan pelayanan lain untuk memelihara bumi dan membantu golongan miskin?

(Ucap terima kasih kepada setiap orang selepas perkongsian mereka dan perhatikan 1 minit hening sebelum orang seterusnya meneruskan)